



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Jabatan Pendidikan Negeri Pahang  
Bandar Indera Mahkota  
25604 Kuantan  
Pahang Darul Makmur

Tel : 09-5715700  
Faks : 09-5734857  
Laman Web : [jnp Pahang.moe.gov.my](http://jnp Pahang.moe.gov.my)

Ruj. Kami : JPNP.SPMd.600-3/4/1 Jld. 24 (38)

Tarikh : 28 Mac 2025

Encik Adillah bin Abu Samah  
Ketua Pegawai Eksekutif  
ME12PAY Digital Sdn. Bhd.  
2-19-01 Worldwide @7, Seksyen 7  
**40000 SHAH ALAM**

Tuan,

**PERMOHONAN PELAKSANAAN PROGRAM GO-DIGITAL SEKOLAH BAGI TAHUN 2025**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, Jabatan Pendidikan Negeri Pahang telah menerima permohonan daripada pihak tuan untuk **Permohonan Pelaksanaan Program Go-Digital Sekolah Bagi Tahun 2025** pada **28 Mac** hingga **30 November 2025**. Jabatan Pendidikan Negeri Pahang **tiada halangan** untuk memberi **kebenaran** kepada pihak tuan untuk menjalankan program seperti di atas bagi tahun 2025.

3. Walau bagaimanapun, pihak kami ingin menarik perhatian tuan bahawa pelaksanaan aktiviti berkenaan hendaklah memenuhi syarat serta mematuhi :

- 3.1 **Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) KPM Bil.7/1988** Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan atau Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan atau Badan Induk Sukan ;
- 3.2 **Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) KPM Bil.8/1995** Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan atau Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan atau Badan Induk Sukan ;
- 3.3 **Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) KPM Bil.8/2009** Langkah-langkah Keselamatan Semasa Mengikuti Aktiviti / Program Lawatan di Luar Waktu Persekolahan ;
- 3.4 **Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) KPM Bil.5/2018** Garis Panduan Perwakilan Kuasa daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan guru kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia ;

- 3.5 **Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) KPM Bil.9/2023** Garis Panduan Lawatan Murid Sekolah Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Mulai Tahun 2023 ;
  - 3.6 **Surat Siaran KPM Bil.2/2010** Garis Panduan Pelaksanaan Program Pendidikan (Kokurikulum) Tajaan Agensi Luar.
  - 3.7 **Surat Siaran KPM Bil.9/2024** Pelaksanaan Surat Akuan Ibu Bapa/Penjaga Untuk Kebenaran Rakaman Gambar/Video/Audio Murid Serta Memuat Naik Ke Laman Media Sosial Bagi Program Anjuran Institusi Pendidikan Bawah KPM.
4. Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut :
- 4.1 Semua murid yang terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
  - 4.2 Penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa / penjaga;
  - 4.3 Surat ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
  - 4.4 Penyertaan murid tidak mengganggu atau menjejaskan waktu Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) / program / aktiviti sekolah;
  - 4.5 Pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
  - 4.6 Pihak penganjur bertanggungjawab menguruskan insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid yang terlibat dengan program ini;
  - 4.7 Sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberikan laluan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
  - 4.8 Tiada implikasi kewangan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah, guru dan murid yang terlibat (merujuk SPI Bil.5/2018)
-

- 4.9 Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum; melainkan mendapat pertimbangan khas dari Pendaftar;
- 4.10 Pihak penganjur dimohon memastikan agar penerapan amalan nilai murni pembinaan karakter murid dan perpaduan diterapkan dalam pelaksanaan program;
- 4.11 Jabatan Pendidikan Negeri Pahang berhak menarik balik surat kelulusan atau kebenaran sekiranya pihak pengelola program gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa.

5. Maklum balas penganjuran program ini hanya untuk **ME12PAY Digital Sdn. Bhd.** yang akan menganjurkan program **Program Go-Digital Sekolah Bagi Tahun 2025** pada **28 Mac** hingga **30 November 2025**. Sebarang pertanyaan berkaitan program di atas sila maklumkan kepada pegawai di Unit Pembangunan Bakat Murid (Kokurikulum), **Puan Wan Nor Hasnizar bt Wan Abdul Razak**, menerusi talian **09- 5715894** atau **019-9200980**.

Kerjasama dan keprihatinan tuan dalam perkara di atas amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(MUSTAZA BIN MUKRI)  
Ketua Penolong Pengarah  
Pembangunan Bakat Murid  
Sektor Pembangunan Murid  
b.p. Pengarah Pendidikan Pahang

s.k. - Pengarah Pendidikan Pahang  
- Pegawai Pendidikan Daerah, Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Pahang  
- Fail

---